(2011) 15 JUUM 119-134

Perjanjian Perdagangan di Bawah WTO: Isu-isu yang Mengundang Ketidakadilan kepada Negara-negara Anggota OIC

(Trade Agreements under WTO: Issues Leading to Injustice Among OIC Member States)

Salawati Mat Basir

ABSTRAK

Usaha meliberalisasikan perdagangan dunia ditangani sepenuhnya oleh Badan Perdagangan Dunia (WTO) yang bertanggungjawab atas urusan pentadbiran dan perlaksanaan perjanjian perdagangan multilateral dan perundingan. Implementasi perjanjian perdagangan WTO ini sudah semestinya memberikan kesan kepada struktur perdagangan di negara-negara anggota OIC yang tidak bersedia untuk mengadaptasi sistem baru perdagangan antarabangsa ini secara menyeluruh disebabkan kekangan kewangan dan kekurangan pakar. Oleh itu, penulisan ini akan memberikan tumpuan kepada tiga isu utama di bawah Perjanjian WTO yang memberikan implikasi tidak adil terhadap negara-negara Islam. Pertamanya, akan ditinjau bagaimana klausa anti-lambakan dijadikan tembok perlindungan industri domestik negara-negara maju dan mengancam eksport negara-negara anggota OIC di pasaran antarabangsa. Keduanya, sekatan perdagangan untuk negara-negara Islam melalui peruntukan standard SPS (the Sanitary and Phytosanitary Measures Agreement) yang menyaksikan eksport negara-negara anggota OIC dilayan sebagai kelas kedua dan ketiganya, persoalan subsidi pertanian negara-negara maju yang mengancam masa depan jutaan umat Islam yang bergantung hidup kepada eksport pertanian. Akhirnya, penulisan ini akan memperlihatkan bagaimana isu-isu ini nyata sekali mengancam nasib umat Islam dan langkah-langkah yang OIC wajib lakukan dengan segera untuk mengatasi isu-isu ketidakadilan ini.

Kata kunci: Perjanjian perdagangan, WTO, isu-isu ketidakadilan, negara-negara anggota OIC

ABSTRACT

Tremendous efforts to liberalize world trade has been done by the World Trade Organization (WTO) who is responsible for the administration and implementation of both bilateral and multilateral trade agreements and negotiations. The implementation of WTO trade agreements create significant impacts to the trade structure in the OIC member states who are not prepared yet to adapt to this new system of international trade due to financial constraints and shortage of experts. Therefore, the focus of this paper lies on three main issues under the WTO agreements which imply an unjust treatment to the Muslim countries. Firstly, anti-dumping clauses are to be reviewed carefully particularly the attempts to protect domestic industries of developed nations and how this agreement has led to threats with regard to export of OIC member states at the international market. Secondly, trade barriers against Muslim countries through the imposition of SPS standards (the Sanitary and Phytosanitary Measures Agreement) where export of the OIC countries is given second class treatment. Thirdly, this paper examines the question of agricultural subsidies that benefit developed nations and threaten the future of millions of Muslims who are dependent on agricultural export. Finally, this paper will show how these issues are said to be a real threat to the Muslims around the world and drastic measures that the OIC itself is obliged to undertake to address issues of such injustice.

Keywords: Trade agreements, WTO, issues injustice, OIC member states

PENGENALAN

Perdagangan dan sistem ekonomi yang diamalkan di sesebuah negara adalah asas tunjang kepada proses kemajuan serta pencapaian prestasi sesebuah negara dalam meningkatkan taraf kehidupan rakyatnya.[1] Walau bagaimanapun, untuk mencapai taraf kemajuan yang menyumbang kepada kepentingan kehidupan manusia bukanlah suatu perkara yang mudah. Untuk tujuan ini, sudah pasti diperlukan satu struktur badan ekonomi yang berlandaskan sistem perundangan yang jelas serta dapat difahami dan dihormati oleh semua pihak-pihak yang terlibat dalam urusniaga antarabangsa, serantau dan domestik.[2]

Justeru itu, perkara ini perlu diteliti kerana sungguhpun secara teorinya wujud struktur perundangan ekonomi yang lengkap dan difahami semua pihak, namun dari segi amalannya banyak permasalahan yang telah timbul. Hal ini menjadi lebih sulit lagi apabila sistem neo-liberal yang diamalkan masih mengekalkan kuasa-kuasa besar sebagai pengaruh yang mendominasi corak pembaharuan dunia baik dari segi kegiatan ekonomi itu sendiri dijalankan sehinggalah kepada persoalan politik dan sosial negara-negara membangun.[3] Apa yang pasti, kesan ke atas negara-negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) akan menjadi lebih rumit lagi kerana tidak ada satupun negara-negara anggota OIC yang menduduki carta negara maju.[4] Oleh yang demikian, pasti akan wujud sedikit sebanyak unsur-unsur diskriminasi dan persoalan dianaktirikan apabila suara-suara kerdil negara-negara anggota OIC tidak dapat didengari dengan jelas di forum-forum ekonomi dunia memandangkan negara-negara anggota OIC sendiri adalah juga negara-negara dunia ketiga yang memerlukan bantuan dan sokongan dalam prospek persaingan perdagangan global. Oleh itu, untuk tujuan kajian ini hanya isu-isu yang dilihat sangat kritikal sahaja akan disentuh di mana isu-isu tersebut nyata sekali mengundang ketidakadilan kepada negara-negara anggota OIC melalui peraturan dan aturan perdagangan antarabangsa yang dikuasai oleh WTO. Terdapat tiga isu-isu penting untuk dikaji iaitu i) klausa anti-lambakan sebagai tembok perlindungan industri domestik negara-negara maju; ii) sekatan perdagangan untuk negara-negara Islam melalui peruntukan standard SPS; dan iii) subsidi pertanian yang menguntungkan negara-negara maju.

KLAUSA ANTI-LAMBAKAN SEBAGAI TEMBOK PERLINDUNGAN INDUSTRI DOMESTIK NEGARA-NEGARA MAJU

Negara-negara maju sering menggunakan peruntukan klausa anti-lambakan untuk tidak menggalakkan eksport negara-negara membangun ke negara mereka. Adalah amat malang sekali apabila peruntukan had anti lambakan yang termasuk di dalam *Agreement on Implementation of Article VI of the General Agreement on Tariffs and Trade 1994* (Perjanjian Anti-Lambakan) yang sepatutnya digunakan sebagai pelindung negara-negara membangun dan miskin, telah bertukar watak menjadi pelindung kepada negara-negara maju bagi melindungi industri domestik mereka.[5] Hari ini, situasi penggunaan klausa anti-lambakan menjadi sangat popular di negara-negara maju untuk menghalang produk mereka daripada persaingan sengit syarikat asing dari luar. Amerika Syarikat misalnya telah menaikkan 30% duti import besi dari China dan Argentina untuk melindungi industri besi negara tersebut.[6] Ini dibuktikan dengan ucapan Evan Bayh, Senator dari Indiana, Amerika Syarikat pada 12 September 2000 yang boleh dijadikan bukti bagaimana klausa anti-lambakan boleh disalahgunakan untuk melindungi kepentingan domestik;

> *The recent steel import crisis once again reminded everyone that, without the anti-dumping and anti-subsidy orders, the domestic industry is at the mercy of foreign governments and foreign steel producers. During the latest crisis, steel workers across my State were forced into early retirement, relegated to lesser jobs, required to absorb reductions in shifts, or simply laid off. My only answer to these hard working men and women and their families was that the uncertain state of their industry would not persist and that strict enforcement of the trade laws would provide relief and prevent further devastation… The result-as you are well aware-was that the domestic industry resorted to much needed trade remedies, including the imposition of anti-dumping and anti-subsidy measures to remedy the effects of unfairly traded imports concerning a variety of steel products.* [7]

Selain untuk melindungi kepentingan mereka sendiri, negara-negara maju juga selalu memanipulasikan klausa anti-lambakan ini untuk tujuan politik mereka. Sebagai contohnya, Iran merupakan pengeluar utama kacang pistachio di pasaran dunia tetapi pada tahun 1987, penanam-penanam kacang pistachio di California telah mewujudkan suasana tegang di antara kerajaan Amerika Syarikat dan Iran dengan mempertikaikan kedudukan Iran sebagai pengeluar utama dunia. Mereka telah berjaya mempengaruhi kerajaan Amerika Syarikat yang kemudiannya telah mengenakan 241% duti ke atas kacang pistachio yang diimport dari Iran untuk pasaran Amerika Syarikat.[8] Secara keseluruhannya, negara-negara Islam yang menggunakan peruntukan anti-lambakan adalah tidak banyak. Kebanyakan kes datangnya daripada negara-negara berpendapatan rendah dan sederhana dengan Indonesia mencatatkan kes anti-lambakan tertinggi di kalangan negara OIC dengan 145 kes bermula 1995 sehingga akhir 2010. Negara-negara anggota OIC lain yang juga turut

mempunyai kes berkenaan anti-lambakan sepanjang 2007-2010 ialah Arab Saudi dengan 4 kes, Turki dengan 17 kes, Pakistan dengan 8 kes, Malaysia dengan 7 kes, Iran 7 kes dan Kazakhstan serta Kuwait dengan satu kes sahaja. Sepanjang 2010 juga, Indonesia masih menjadi negara Islam yang menjadi sasaran utama untuk ditentang berkenaan anti-lambakan dengan 5 kes dakwaan ke atasnya.[9]

Apa yang dapat difahami secara jelas klausa anti-lambakan ini dengan mudah dijadikan alat untuk melindungi industri tempatan negara-negara maju. Ini menyebabkan klausa anti-lambakan tersebut telah disalahgunakan dan kehilangan objektif asalnya iaitu untuk melindungi industri tempatan daripada amalan perniagaan tidak adil.[10] Kes yang paling tepat untuk menggambarkan situasi ini ialah kes duti anti-lambakan yang dikenakan oleh Kesatuan Eropah terhadap Pakistan menerusi eksport cadar kapas jenis linen yang dianggap sangat tidak adil terhadap negara Islam seperti Pakistan. Menurut Hussain Ahmed Ozgen, Presiden Dewan Perniagaan dan Industri Rawalpindi, keputusan yang dibuat oleh Kesatuan Eropah bakal memberikan kesan buruk kepada industri tekstil Pakistan yang dilihat akan kehilangan jumlah eksport bernilai USD500 juta jika 15 buah negara Kesatuan Eropah memutuskan bersetuju mengenakan duti anti-lambakan terhadap Pakistan. Malah menurut Ozgen lagi, peruntukan anti-lambakan telah digunakan sebagai senjata untuk negara-negara maju menyekat negara-negara Islam daripada terus mengembangkan ekonominya.[11]

Apa yang dibimbangi oleh Pakistan menjadi nyata apabila Kesatuan Eropah telah mengenakan duti 13.1% ke atas eksport Pakistan berkaitan eksport cadar kapas jenis linen berkuatkuasa mulai 17 Mac 2004. Keputusan itu sangat mengecewakan Pakistan dan merasakan Kesatuan Eropah telah menyalahgunakan peruntukan WTO berkenaan lambakan dan anti-lambakan. Alasan yang digunakan oleh Kesatuan Eropah berbuat demikian adalah kerana kuota produk cadar kapas jenis linen dari Pakistan itu sudah melepasi kuota eksport yang telah ditetapkan sebanyak 65%. Pakistan berhasrat untuk mencabar levi duti lambakan Kesatuan Eropah ini ke Tribunal Rayuan WTO, tetapi tidak dapat memutuskan bila akan dapat berbuat demikian memandangkan perbelanjaan kes litigasi yang tinggi.[12] Timbul persoalan di dalam perkara ini, adakah perkembangan sebegini baik untuk negara-negara Islam yang rata-ratanya masih ketinggalan dalam arena perdagangan antarabangsa? Sudah pasti situasi ini menyukarkan perkembangan ekonomi mereka. Ini bersandarkan dengan dua alasan yang kukuh iaitu pertama, kebanyakkan kes-kes melibatkan anti-lambakan adalah dimulakan dengan melawan negara-negara membangun. Keduanya, kos kewangan yang tinggi diperlukan untuk melaksanakan kes-kes anti-lambakan.[13] Selain daripada dua alasan ini peruntukan Perjanjian Anti-Lambakan juga amat kompleks dan memerlukan kepada kepakaran yang mendalam. Negara-negara Islam mendapati sangat sukar untuk mereka melaksanakan prosiding mencabar kes anti-lambakan disebabkan kekurangan pegawai tempatan yang pakar mengenainya ditambah dengan kos prosiding yang dianggarkan memakan jumlah belanja yang besar.[14] Melihatkan kepada situasi ini, wujud kesukaran di pihak negara-negara Islam untuk menangani masalah ini. Namun begitu, negara-negara anggota OIC harus bekerjasama agar negara-negara Islam tidak berlawan antara satu sama lain atas alasan anti-lambakan ini. Hanya dengan bersatu dan berkongsi maklumat sahaja negara-negara Islam boleh mengatasi sedikit sebanyak masalah ini.

Klausa anti-lambakan ini sebetulnya mesti dihapuskan. Jika tiada alternatif lain bagi negara-negara anggota OIC untuk menghapuskan perjanjian anti-lambakan, negara-negara anggota OIC boleh mencantumkan mekanisme anti-lambakan dengan polisi persaingan. Namun begitu, sekalipun hal ini dipilih untuk dilaksanakan, negara-negara anggota OIC mesti melaksanakannya melalui perjanjian bilateral atau dari segi konteks penyusunan plurilateral. Ini amat penting kerana menurut *European Economic Community* (EEC) dan *Australia New Zealand Closer Economic Agreement* (ANZCERTA), jika ingin meminimakan risiko perjanjian anti-lambakan mesti ada kewujudan satu ruang perlindungan yang seiring dengan rangka kerja perjanjian integrasi serantau yang terbabit. Ini untuk memastikan bahawa tiada pihak yang akan mengalami kerugian eksport disamping matlamat perdagangan bebas dapat dilaksanakan untuk memenuhi matlamat sejagat.[15] Disamping itu, negara-negara anggota OIC juga mesti sanggup untuk berbincang semula mengenai perjanjian yang telah dibuat berkaitan anti-lambakan dengan rakan dagang yang sudi untuk menerima alternatif ini melalui perjanjian bilateral.[16] Ini untuk memastikan agar mereka boleh meletakkan transisi anti-lambakan secara positif untuk tujuan persaingan yang sihat.[17]

SEKATAN PERDAGANGAN UNTUK NEGARA-NEGARA ISLAM MELALUI PERUNTUKAN STANDARD SPS (*the Sanitary and Phytosanitary Measures Agreement*)

Selain daripada isu klausa anti-lambakan yang telah dibincangkan di atas, isu yang tidak kurang pentingnya terhadap negara-negara OIC ialah mengenai peruntukan standard SPS. Pusingan Uruguay telah memberikan perhatian serius terhadap keseimbangan perdagangan dan kepentingan alam sekitar dengan mewujudkan dua perjanjian tersebut. Perjanjian terbabit ialah *Agreement on Sanitary and Phytosanitary Measures (SPS).* SPS adalah berhubung dengan peraturan-peraturan kerajaan dan pengharaman import terhadap keselamatan makanan dan produk yang menyebarkan kuman.[18] Perjanjian SPS diwujudkan dengan niat untuk memperincikan

pemakaian peraturan yang terdapat pada peruntukan GATT 1994 berkaitan dengan penggunaan sanitasi dan pitosanitasi yang terdapat pada Artikel XX(b).[19] SPS digunakan untuk perlindungan terhadap manusia, haiwan atau tumbuhan hidup dan kehidupan sedangkan Artikel XX(b) terpakai hanya untuk perlindungan semata-mata.[20] Sebelum ini, peraturan yang terpakai hanyalah berlandaskan timbal-balik dan bukannya berasaskan multilateral dan standard antarabangsa yang diharmonikan. Oleh itu, SPS ingin mengubah amalan timbal balik tersebut melalui standard antarabangsa yang dipersetujui melalui perjanjian multilateral yang harmoni.[21]

Peraturan SPS ini membenarkan kerajaan di serata dunia untuk bertindak mengikut undang-undang berkaitan perdagangan demi melindungi manusia, haiwan dan tumbuhan hidup serta kesihatan dengan syarat mereka tidak menggunakan alasan ini untuk tujuan diskriminasi perdagangan atau untuk samaran pelindungan.[22] Namun dalam konteks situasi hari ini, penggunaan standard SPS lebih senang digunakan untuk melindungi bidang pertanian dan sektor industri makanan di negara-negara maju dan dipercayai bahawa klausa standard SPS ini begitu selesa digunakan mereka bagi memastikan industri domestik mereka berkembang dengan lebih pesat lagi. Hampir kesemua negara mempunyai standard SPS mereka yang tersendiri dan kerajaan biasanya akan menggunakan ukuran standard SPS bagi memastikan makanan diimport adalah selamat untuk para pengguna. Perjanjian SPS[23] yang ditandatangani di bawah WTO menggalakkan negara-negara untuk mengharmonikan peruntukan standard negara mereka dengan standard antarabangsa yang dianggap munasabah untuk dilaksanakan. Namun begitu, perjanjian ini tidak memaksa kerajaan mana-mana negara untuk menerima standard antarabangsa tetapi sangat menggalakkan setiap kerajaan untuk mengharmonikan standard domestik mereka dengan standard antarabangsa.[24] Ukuran standard SPS ini mempunyai kesan yang signifikan kepada pasaran masuk barangan daripada negara-negara anggota OIC ke pasaran dunia.

Masalah yang sering terjadi terhadap pengeksport daripada negara-negara OIC ialah kekurangan maklumat berkenaan standard SPS di sesetengah negara lain terutamanya di negara-negara maju. Ini kerana wujudnya peraturan dan pemakaian standard yang berbeza di antara negara-negara maju, prosedur pengesahan dan ujian komplikasi yang menelan kos yang tinggi, kekurangan data saintifik, ketidaktelusan dan pemakaian yang tidak konsisten oleh prosedur kastam di negara-negara yang berbeza.[25] Kesemua masalah ini boleh dimanipulasi untuk mewujudkan ukuran berkenaan standard kesihatan yang boleh membawa kepada sekatan dan halangan bukan tarif kepada kemasukan barangan oleh negara-negara Islam ke pasaran antarabangsa.[26] Akibatnya, negara-negara Islam tersekat dari segi keupayaan mereka untuk mengeksport barangan pertanian dan agro-pertanian disebabkan mandat SPS yang tinggi di negara-negara maju.[27] Selain daripada Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah, negara-negara seperti Australia, Kanada dan Jepun juga mengenakan syarat yang sama. Banyak bukti yang menunjukkan wujudnya sekatan perdagangan impak daripada Perjanjian SPS. Keperluan prosedural adalah halangan untuk pengeksport memenuhi standard yang terpakai pada sesetengah negara maju.[28] Contoh yang boleh dilihat dengan jelas ialah nasib malang ikan tasik dari salah sebuah negara anggota OIC iaitu Uganda yang dilarang eksportnya ke benua Eropah. Larangan ini dibuat kerana Kesatuan Eropah telah menerima maklum balas daripada pihak berkuasa kesihatan Sepanyol dan Itali yang banyak mengimport ikan tasik Uganda bahawa terdapat banyak bakteria merbahaya termasuklah salmonella dalam ikan dari tasik Victoria yang diimport dari Uganda.[29]

Oleh itu, satu perintah pengharaman telah dikuatkuasakan pada 12 April 1999 untuk menghalang import ikan tasik dari Uganda.[30]Akibat daripada pengharaman ini, Uganda telah kehilangan import ikan bernilai USD36.9 milion serta kerugian besar masyarakat nelayannya akibat penurunan harga ikan. Lebih malang lagi, 3 buah daripada 11 buah kilang ikan berteknologi tinggi telah ditutup sepenuhnya dan selebihnya beroperasi dengan kapasiti 20% pekerja sahaja. Dianggarkan 60%-70% pekerja di sektor perikanan ini telah diberhentikan akibat larangan tersebut.[31] Dalam menilai situasi ini, Kesatuan Eropah menegaskan bahawa mereka telah memperkenalkan *Council Directive 91/493/EEC* yang meletakkan peraturan-peraturan kesihatan bagi pengeluaran dan pasaran produk perikanan bagi negara pengimport hasil perikanan. Oleh itu, hanya produk perikanan yang mematuhi standard ini sahaja yang boleh memasuki pasaran Eropah.[32]

Pada 16 Julai 1998 pula, Kesatuan Eropah telah meletakkan satu standard baru mengenai kandungan *aflatoxin* dalam bijirin, buah kering, kacang dan kacang tanah yang diimport dari luar benua Eropah.[33] Ini menyebabkan negara-negara Islam seperti Chad, Mali, Senegal, Sudan, Tunisia, Mesir, Iran dan Turki yang menjadi pengekport besar barangan ini ke pasaran Eropah mengalami 59% penurunan eksport bijirin dan 47% penurunan eksport buah kering, kacang dan kacang tanah. Mereka mengalami kerugian hampir USD$400 juta untuk kesemua produk ini apabila produk-produk tersebut tidak dapat dijual di pasaran Eropah berikutan peraturan baru berkenaan.[34] Tidak cukup dengan peraturan tersebut, Kesatuan Eropah pada 1 Oktober 2006 telah menambah beberapa syarat baru berkenaan produk buah-buahan kering, kacang tanah dan kekacang seperti:

(i) mesti melalui beberapa pelabuhan yang telah di tentukan untuk barangan tersebut dibawa masuk ke pasaran Eropah;

(ii) semua sijil kesihatan mestilah sah untuk tempoh tidak kurang empat bulan daripada tarikh pengeluaran sijil tersebut;
(iii) mesti terdapat ruang tambahan pada sijil kesihatan yang mesti dipenuhi oleh pihak penguatkuasa di pelabuhan yang menyatakan barangan telah diperiksa secara fizikal ketika tiba di pintu masuk.
(iv) jika barangan tidak diiringi dengan sijil kesihatan berserta sampel dan keputusan analisis makmal, barangan tersebut tidak boleh memasuki pasaran Eropah. Barangan tersebut hendaklah dihantar pulang atau dimusnahkan.[35]

Di bawah peraturan baru tersebut dua negara Islam menerima layanan yang tidak adil berbanding negara lain apabila Turki dikenakan syarat tambahan dengan 5% konsigmen kacang hazel serta campuran tepung kacang hazel mesti disertai dengan analisis makmal dan sampel apabila sampai di pelabuhan atau barangan tersebut akan ditolak. Untuk barangan kacang dan kekacang dari Iran, peraturannya lebih teruk lagi apabila turut menggunakan perselisihan politik Iran dan Kesatuan Eropah dalam menentukan nasib barangan. Ini dilihat apabila kesemua import kekacang dari Iran dikenakan analisis makmal sebanyak dua kali. Dalam erti kata lain, ujian analisis makmal di Iran tidak diterima di Eropah sehinggalah analisis makmal oleh pihak Kesatuan Eropah mengesahkannya selamat.[36]

Malaysia juga tidak terlepas daripada menghadapi masalah berkaitan standard SPS di Eropah ini apabila eksport makanan laut dan ternakan akuatik Malaysia dilarang masuk ke pasaran Eropah bermula 18 Jun 2008 yang lalu.[37] Kesatuan Eropah mengenakan larangan ke atas produk makanan laut dan ternakan akuatik Malaysia disebabkan mereka mendapati enam daripada sembilan syarikat pengeksport Malaysia yang diaudit tidak menepati standard kesihatan dan amalan kebersihan Kesatuan Eropah[38] berkenaan produk laut seperti yang telah ditetapkan.[39] Untuk mengelakkan Kesatuan Eropah mengenakan larangan pengharaman tetap ke atas produk makanan laut dan akuatik Malaysia, kerajaan Malaysia telah mengambil langkah menghentikan eksport produk-produk tersebut selama tiga bulan. Tindakan ini dibuat agar kesemua kementerian yang berkenaan dengan isu ini terutamanya Jabatan Perikanan dan Kementerian Kesihatan dapat menyusun semula langkah-langkah bagi memastikan kesemua pengeksport Malaysia mematuhi peraturan yang terkandung di dalam *Food and Veterinary (FVO) Inspection Mission 2008* Kesatuan Eropah.[40]

Penggantungan tiga bulan tersebut memberikan impak yang cukup besar kepada industri yang bernilai berbilion ringgit ini apabila pengerusi Persatuan Industri Udang Malaysia, Encik Syed Omar Syed Jaafar berkata industri udang akan mengalami kerugian yang dianggarkan bernilai RM69.3 juta dalam tempoh masa tersebut. Perkara ini disokong oleh Encik Ch'ng Chin Hooi, pengerusi Persatuan Pengeluar-Pengeluar Makanan Sejuk Beku Malaysia yang turut menyatakan bahawa 26 ahli persatuan itu akan mengalami kerugian berjumlah RM1 bilion dalam masa tiga bulan penggantungan dibuat.[41] Sehingga Disember 2008, industri ini telah kehilangan RM1.5 bilion dan dikhuatiri seramai 60,000 pekerja di sektor ini mungkin akan diberhentikan kerja sekiranya kerajaan gagal mengembalikan keyakinan Kesatuan Eropah untuk menarik balik sekatan.[42]

Masalah negara-negara membangun dan negara-negara Islam tidak hanya terhenti di sini. Beberapa pemerhati antarabangsa memandang serius kepayahan yang dihadapi oleh negara-negara terbabit terutamanya apabila mereka mahu mengadu mengenai kesukaran yang dihadapi untuk melaksanakan Perjanjian SPS ini.[43] Penyelesaian pertikaian yang membabitkan Perjanjian SPS ini biasanya mengambil masa yang panjang dan menuntut kapasiti kewangan yang tinggi dan sumber kepakaran yang terlatih. Memfailkan pertikaian di bawah Perjanjian SPS ini memerlukan kepastian yang tepat berkenaan hak-hak yang telah dicabuli berkenaan komitmen yang spesifik tambahan pula mendapatkan maklumat yang tepat adalah faktor yang sangat kritikal di dalam hal ini.

Oleh itu, banyak negara-negara membangun dan miskin merasakan mereka tidak berupaya untuk melalui proses penyelesaian pertikaian sama sekali kerana mereka hanya mampu menyiapkan sebahagian kes sahaja atau menjadi rakan kongsi pengaduan pertikaian kepada negara-negara maju. Dalam hal ini juga, negara-negara Islam kelihatannya lebih mengambil sifat "menerima standard" berbanding "mencipta standard". Masalah utama yang menghalang penyertaan negara-negara Islam ini untuk bersama mencipta standard ialah kos yang terlalu tinggi dan juga kekurangan kepakaran teknikal yang mahir dalam asas maklumat negara-negara membangun dan meneliti segala maklumat yang menyokong hujah-hujah negara-negara terbabit dalam badan antarabangsa seperti WTO ini.[44] Namun begitu, terdapat juga pertembungan dalam standard Perjanjian SPS ini apabila membabitkan persoalan halal yang tidak pernah dibincangkan dalam perletakan istilah standard. *Codex Alimentarius* adalah organisasi di bawah SPS yang terlibat secara langsung berkenaan keselamatan makanan. Persoalan halal adalah kritikal kepada umat Islam kerana halal membawa maksud yang jauh lebih mendalam daripada sekadar makna standard yang ada pada Perjanjian SPS.[45] Apa yang dikesali ialah isu halal tidak akan dibincangkan sama sekali pada mesyuarat jawatan kuasa Perjanjian SPS dan *Codex Alimentarius* kerana persoalan agama tidak termasuk dalam isu keselamatan makanan sekalipun jelas isu halal melibatkan kepentingan umat Islam kerana ianya adalah kewajipan dan tuntutan dalam agama.

Masalah jelas wujud dalam hal ini apabila Brazil yang disokong Kesatuan Eropah, Australia dan New Zealand membuat aduan rasmi kepada ahli jawatan kuasa perjanjian SPS mengenai jumlah bayaran yang

dikenakan oleh Malaysia untuk pemeriksaan eksport daging daripada kesemua negara berkenaan. Mereka mengganggap bayaran USD30,000.00 untuk pengesahan sijil halal yang dikenakan oleh Malaysia adalah sangat tinggi. Ini kerana sijil tersebut hanya sah dalam tempoh setahun dan pemeriksaan tahunan akan tetap diadakan untuk mengesahkan daging import tersebut adalah halal untuk pasaran. Malaysia pula dalam hujah balasan memberikan jawapan bahawa kos untuk pemeriksaan SPS dan halal adalah dua proses yang berbeza. Kos untuk penentuan produk daging adalah halal lebih mendalam dan lama berbanding kos untuk pemeriksaan SPS. Malaysia bagaimana pun masih belum menetapkan kadar sebenar harga yang akan dikenakan bagi tujuan pensijilan halal untuk daging import dari luar.[46] Apa yang jelas, peruntukan berkenaan standard SPS yang digunakan melalui liberalisasi perdagangan banyak membawa kepada penggunaan ukuran standard Perjanjian SPS sebagai mekanisme perlindungan, terutamanya untuk negara-negara maju melindungi industri mereka dan menolak produk negara-negara membangun.[47] Sekali lagi mangsanya ialah negara-negara membangun dan miskin yang sudah tentu termasuk juga di dalamnya negara-negara anggota OIC.

SUBSIDI PERTANIAN YANG MENGUNTUNGKAN NEGARA-NEGARA MAJU

Tidak terhad kepada permasalahan di atas, perdagangan dalam sektor pertanian juga turut memberikan impak kepada negara-negara anggota OIC. Ini kerana perdagangan antarabangsa yang melibatkan pertanian ialah sebanyak 10 peratus daripada jumlah peratusan dagangan dunia.[48] Perkara ini harus dipandang dengan serius memandangkan sebahagian besar negara-negara anggota OIC meletakkan pertanian sebagai aktiviti penting untuk peningkatan ekonomi mereka. Nilai perdagangan pertanian dalam pendapatan negara kasar (GDP) di kalangan negara-negara OIC mencecah sehingga 60 peratus[49] dengan 40 peratus penduduk Islam menyara kehidupan dengan aktiviti pertanian dan nisbah ini boleh meningkat hingga ke 90 peratus pada sesetengah negara.[50]

Perdagangan produk pertanian menjadi disiplin di bawah GATT selepas Pusingan Uruguay berakhir pada tahun 1994 dan digantikan pula dengan WTO. Liberalisasi pertanian ini lebih dikenali sebagai Perjanjian mengenai Pertanian (AoA). Terdapat tiga komitmen utama dalam perjanjian ini iaitu mengenai akses pasaran *(market access),*[51]sokongan domestik[52] dan subsidi eksport.[53]

Sungguhpun Perjanjian Pertanian mensasarkan wujudnya perdagangan bebas untuk negara-negara membangun, sebenarnya perjanjian ini lebih mempromosikan monopoli perdagangan bagi negara-negara maju. Contohnya, GATT yang sepatutnya bertindak memecahkan struktur subsidi negara-negara maju di Utara tetapi gagal melakukannya apabila Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah telah bersetuju sesama mereka untuk melakukan pembayaran terus kepada para petani yang dikecualikan daripada peraturan GATT.[54] Ini telah menambah kadar nisbah subsidi yang disediakan oleh *European Union Common Agricultural Policy (CAP*). Melaluinya, Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat bukan sahaja dapat mempertahankan malah meningkatkan subsidi kepada para peladang dan petani komersial di negara mereka.[55] Secara tidak langsung membolehkan para peladang berkenaan mengeksport produk pertanian mereka yang telah disubsidikan ke negara-negara membangun di seluruh dunia.

Dalam menilai situasi ini, subsidi yang diberikan secara besar-besaran telah menyebabkan negara-negara maju mampu menghasilkan bekalan bahan makanan yang cukup untuk kegunaan domestik dan juga untuk tujuan eksport. Pada masa yang sama, negara-negara membangun juga dikehendaki membuka pasaran mereka untuk produk pertanian kepada negara-negara lain.[56] Atas nama liberalisasi import, pengurangan sokongan domestik dan subsidi eksport memberikan implikasi serius kepada negara-negara anggota OIC apabila mereka terpaksa bersaing dengan produk pertanian negara-negara maju terutamanya dari Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat. Wajar diingati selalu bahawa para peladang dan para petani di negara-negara anggota OIC menjadikan aktiviti pertanian sebagai punca utama pendapatan mereka. Oleh kerana jumlah subsidi yang banyak di negara-negara maju, mereka tidak akan boleh bersaing dengan import pertanian dari negara-negara maju tersebut. Situasi ini jelas menggugat pendapatan para peladang dan petani Islam serta kehidupan keluarga mereka di serata dunia.[57]

Di antara masalah utama yang benar-benar menggugat negara-negara anggota OIC disebabkan oleh subsidi pertanian yang melampau oleh negara-negara maju ialah subsidi kapas oleh Amerika Syarikat dan subsidi gula oleh Kesatuan Eropah. Empat negara Islam OIC iaitu Benin, Burkina Faso, Chad dan Mali adalah pengeluar utama kapas di Afrika serta di pasaran kapas antarabangsa. Secara kolektifnya, keempat-empat negara ini mewakili 3% pengeluaran kapas dunia dan 8% eksport kapas dunia. Sungguhpun begitu, keempat-empat negara tersebut tidak mempunyai sebarang kuasa pasaran seperti menetapkan kuota dan juga penentuan harga dalam perdagangan kapas.[58] Pertanian kapas menyumbang di antara 2.5% dan 7% keluaran dalam negara kasar dan menyumbang 60% kepada nilai tanaman dan menjadi eksport pertanian utama serta aktiviti sara hidup sebahagian besar umat Islam di sana.[59] Harus diingati bahawa keempat-empat negara Islam ini adalah di antara negara-negara miskin di dunia dengan kedudukan mereka di tangga 173 hingga 193 di antara 208 negara-negara yang disenaraikan oleh Bank Dunia dari segi pendapatan dalam negara kasar.[60]

Namun, lebih malang lagi ialah nasib peladang kapas di Benin kerana kawasan perladangan kapas terpaksa dikongsi dengan tanaman lain dan mereka tidak mendapat tujuk ajar saintifik tentang pengeluaran kapas yang bermutu serta penggunaan teknik moden.[61] Berdasarkan fakta ini sudah semestinya negara-negara tersebut tidak dapat memberikan subsidi yang tinggi kepada para peladang kapas mereka berbanding Amerika Syarikat yang begitu mudah memberikan subsidi untuk penanaman kapas sahaja sebanyak USD3.4 bilion untuk tahun 2001 kepada para peladangnya.[62] Kesan subsidi yang keterlaluan dalam pasaran kapas dan lambakan ini telah menyebabkan kejatuhan harga kapas di kebanyakan negara-negara membangun.[63]

Justeru itu, keadaan ini menyebabkan para petani miskin mengurangkan kadar penanaman kapas mereka disebabkan mereka tidak mampu untuk menanggung kerugian di atas lambakan kapas di pasaran. Akibatnya, pendapatan mereka menguncup sedangkan 70% petani kapas di negara-negara anggota OIC di benua Afrika bergantung hidup sepenuhnya dengan hasil tanaman tersebut.[64] Ini menunjukkan secara tidak langsung subsidi yang tinggi oleh negara-negara maju seperti Amerika Syarikat ini membunuh secara perlahan-lahan jutaan nyawa di negara-negara Islam yang bergantung hidup mereka dengan tanaman kapas.[65] Kenyataan ini nyata ada benarnya berdasarkan hasil kajian yang menunjukkan setiap tahun negara-negara tengah dan barat benua Afrika mengalami kerugian dalam industri kapas sehingga USD250 juta semenjak tahun 2000.[66]

Selain subsidi kapas oleh Amerika Syarikat yang sungguh tidak adil terhadap kehidupan jutaan umat Islam di negara-negara OIC miskin di Afrika, Kesatuan Eropah juga turut terbabit di dalam pemberian subsidi kepada para petani di sektor pengeluaran gula. Subsidi tersebut telah memberikan kesan buruk kepada satu lagi negara anggota OIC yang bergantung penuh kepada eksport gula iaitu Mozambique. Negara ini merupakan sebuah negara pasca konflik dan di antara yang termiskin di dunia. Dengan 80% penduduknya tinggal di luar bandar, mereka bergantung penuh kepada aktiviti pertanian sebagai mata pencarian utama. Di Mozambique, penanaman tebu untuk penghasilan gula adalah tanaman utama yang menjadi sumber nadi kehidupan rakyatnya. Dengan kos pengeluaran kurang €286 per tan gula, menjadikan Mozambique pengeluar gula paling murah di dunia dan ini menjadikan penanaman tebu dan industri gula sebagai tempat yang menawarkan peluang pekerjaan kepada rakyat Mozambique selepas konflik berakhir pada pertengahan 1990an.[67]

Namun begitu, Kesatuan Eropah telah memberikan subsidi sokongan kepada eksport gula Eropah yang berjumlah USD3.3 bilion semenjak tahun 2002 dan berjaya menawarkan harga gula yang tiga kali lebih murah dari harga pasaran gula dunia.[68] Akibatnya, Mozambique yang masih bergelut untuk keluar dari kesusahan kemiskinan dan kemunduran akibat konflik terpaksa tunduk kepada situasi yang menyebabkan harga gula jatuh sebanyak 17% di pasaran dunia. Lebih teruk lagi, pasaran eksport utama gula Mozambique sebelum ini iaitu Nigeria dan Algeria telah diambil alih oleh eksport gula dari Kesatuan Eropah dan ini menyebabkan Mozambique tidak lagi dilihat sebagai pengeksport gula yang kompetitif.[69] Malah menurut Jose Chilengue, pengarah eksekutif Persatuan Gula Mozambique, jika tidak diselaraskan atau dihapuskan penggunaan subsidi tertentu dalam konteks Perjanjian Pertanian terhadap gula, Mozambique tidak mempunyai apa-apa lagi kecuali HIV, malaria dan kemiskinan.[70]

Perlindungan terhadap pertanian ditambah lagi dengan subsidi oleh negara-negara maju menyebabkan lebih banyak pembangunan dan kemajuan akan terbantut di negara-negara membangun dan miskin OIC di samping melemahkan lagi integrasi global dalam perdagangan. Namun apa yang jelas, negara-negara maju tetap tidak menghiraukan kesukaran yang dialami oleh negara-negara anggota OIC yang miskin ini terutamanya apabila melibatkan subsidi kapas dan gula yang jelas sekali disumbangkan dengan jumlah yang cukup besar oleh mereka.[71]

Lebih malang lagi, buat negara-negara membangun dan miskin secara keseluruhannya ialah apabila *2008 US Farm Bill* yang telah diluluskan oleh Senat dan Dewan Perwakilan Amerika Syarikat dengan undi majoriti dua per tiga pada Mei 2008 yang lalu masih memberikan sokongan padu kepada pemberian subsidi pertanian untuk para petani Amerika Syarikat sehingga tahun 2012.[72] Menurut Lori Wallach, pengarah bagi *Public Citizen's Global Trade Watch* intipati kandungan *2008 US Farm Bill* ini jelas bertentangan dengan peranan Amerika Syarikat berkenaan sokongannya terhadap sektor pertanian pada Pusingan Doha yang berjanji akan mengurangkan sumbangan subsidi domestiknya.[73] *2008 US Farm Bill* ini berjumlah USD289 bilion untuk tempoh masa lima tahun dan daripada keseluruhan jumlah ini, kira-kira USD200 bilion akan di sumbangkan untuk subsidi bantuan makanan domestik. Manakala subsidi untuk beras, kapas, jagung, kacang soya, gandum dan bijirin pula berjumlah UD43 bilion.[74] Untuk melindungi perusahaan gula pula, *2008 US Farm Bill* akan menaikkan harga sokongan dan memberikan jaminan harga kekal untuk pasaran dunia.[75]

Jelas sekali berlandaskan fakta di atas bentuk subsidi domestik yang ditetapkan oleh Perjanjian Pertanian[76] dan WTO[77] seolah-olahnya langsung tidak dihiraukan mahupun dihormati oleh negara-negara maju sedangkan di bawah Perjanjian Pertanian negara-negara maju telah bersetuju untuk menurunkan tahap sokongan domestik sebanyak 20% bagi tempoh 1995 hingga 2000 dan negara-negara membangun pula bersetuju mengurangkan tahap sokongan sebanyak 13.3% dalam tempoh masa daripada 1995 sehingga 2004.[78] Lebih buruk lagi segala rungutan, aduan dan kesukaran negara-negara anggota OIC yang terlibat dalam industri kapas dan gula sehingga kini

tidak mendapat sebarang tindakan oleh jawatankuasa WTO sendiri mahupun panel Perjanjian Pertanian.[79] Oleh itu, OIC tidak hanya sekadar perlu membuat *Action Plan for OIC Cotton Producing Countries' Cooperation Development Strategy (2007-2011)*[80] sahaja, tetapi perlu bertegas dan bersuara lantang dalam isu-isu pertanian lain yang melibatkan kelangsungan hidup umat Islam keseluruhannya. Jika OIC memilih untuk berdiam diri, maka dengan sendirinya umat Islam akan terus bergelut dengan kesukaran dan mengharung kepayahan untuk terus bersaing di pasaran pertanian global.

KESIMPULAN

Setelah membincangkan ketiga-tiga isu di atas yang dilihat sangat kritikal untuk negara-negara anggota OIC, penulis berpendapat untuk mengatasi isu berkenaan klausa lambakan, *Committee for Economic and Commercial Cooperation (COMCEC)* hendaklah menjalankan dengan segera *Plan of Action Economic Cooperation among Islamic Countries (Resolution 1/3-E(IS))* yang melibatkan *General Agreement for Economic, Technical and Commercial Cooperation among the Member States of the Islamic Conference* yang memberikan penjelasan dan latihan teknikal kepada negara-negara anggota berkenaan peruntukan anti-lambakan serta kesannya kepada eksport negara-negara Islam. Isu ini penting agar negara-negara Islam dapat mengetahui strategi ekonomi Barat dan makna sebenar klausa anti-lambakan WTO agar eksport negara-negara Islam dapat diperluaskan dan jalinan kerjasama perdagangan sesama negara Islam mampu dipertingkatkan.

Berkenaan isu Perjanjian SPS pula yang dilihat begitu mendesak, OIC tiada pilihan jika ingin melihat negara-negara anggotanya terus bersaing di tengah kepesatan global ekonomi dunia melainkan mewujudkan semula *Islamic Foundation for Science, Technology and Development (IFSTAD)* yang pernah berperanan sebagai pusat kajian saintifik dan pembangunan teknologi OIC. Dengan adanya pusat kajian seperti ini, negara-negara Islam boleh menerima manfaat daripada kajian saintifik untuk melakukan perubahan positif dalam pelan sosio-ekonomi mereka. Negara-negara anggota OIC juga dilihat mampu mencipta keseragaman standard barangan mereka sekiranya wujud pusat kajian seperti ini yang akan meletakkan produk negara-negara Islam selari dengan kehendak antarabangsa.

Untuk meleraikan isu subsidi pertanian yang mengancam jutaan umat Islam ketika ini, OIC tidak seharusnya lengah dalam mewujudkan pelan bertindak pertanian yang dilihat berkeupayaan untuk membantu negara-negara Islam yang bergantung hidup dengan eksport pertanian untuk memahami kehendak Perjanjian Pertanian tersebut. Malah OIC boleh melakukan pemindahan teknologi dan melatih para petani dengan kemahiran serta memenuhi kehendak pasaran antarabangsa terhadap produk pertanian mereka. OIC sendiri harus bertindak berani dari sekarang atau masalah ketidakadilan ini akan terus mencengkam sebahagian besar negara-negara anggotanya secara berlarutan sedangkan fasa ekonomi global sudah mula berubah wajah selepas sepuluh tahun pertama abad ke 21.

NOTA

1 Machiko Nissanke & Erik Thorbecke, *The Impact of Globalization on the World's Poor: Transmission Mechanisms,* Palgrave Macmillan, London, 2006, hlm 6; DFID, Eliminating world poverty: making globalisation work for the poor, Department for International Development UK, White Paper on International Development, London, 2000, hlm 52.

2 Asif H. Qureshi & Andreas R. Ziegler, *International Economic Law,* Edisi ke 2, Sweet & Maxwell, London, 2007, hlm 10; Paul E. Comeaux & N. Stephen Kinsella, *Protecting Foreign Investment Under International Law: Legal Aspects of Political Risk,* Oceana Publication, New York, 1996, hlm 75.

3 John H. Jackson, *Sovereignty, the WTO, and Changing Fundamental of International Law,* Cambridge University Press, London, 2006, hlm 13; M Berger & M Beeson, 'Lineages of liberalism and miracles of modernisation: The World Bank, the East Asian trajectory and the international development debate' (1998) 19 (3) *Third World Quarterly* 487.

4 Ucapan H.E Prof Ekmeleddin Ihsanoglu, at the Thirty Eighth session of the Permanent Finance Committee, Saudi Arabia, 13-15 Mei 2010.

5 Bibek Debroy & Debashi Chakraborty, *Anti-Dumping: Global Abuse of A Trade Policy Instrument,* Academic Foundation, New Delhi, 2007, hlm 28; Aradhna Aggarwal, Patterns and determinants of anti-dumping: A worldwide perspective, Kertas Kerja No.113, Indian Council for Research On International Economic Relations, New Delhi, 2003, hlm 20; Gyekye Tanoh, No more duping & dumping-a pro-development view of the so-called 'development package', TWN-Africa, Hong Kong, 19 Disember, 2005, hlm 12.

6 James Boverd, Protectionist welfare for steel, The Future of Freedom Foundation, September 2002, hlm 7. Presiden Bush berkata sewaktu mengumumkan subsidi besi, *"An integral part of our commitment to free trade is our commitment to enforcing trade laws to make sure that America's industries and workers compete on a level playing field. Free trade should not mean lax enforcement….Today I am announcing my decision to impose temporary safeguards to help give America's steel industry and its workers the chance adapt to the large influx of foreign steel".*

7 http://www.senate.gov/-bayh/Press/2000 (18 Januari 2011).

8 RA Wirtz, 'Anti-dumping: The free trade antacid', The Region, Disember 2001, hlm 8.

9 WTO, WTO Secretariat Reports Increase in New Anti-Dumping Investigations [2 Januari 2011]

WTO Press Releases hhtp://www.wto.org/English/news_e/pres09_e/pr556_e.htm (18 Januari 2011); Cliff Stevenson, *Global Trade Protection Report 2007, DATA & ANALYSIS, A Review of Global Trade Protection Activity (Anti-Dumping, Countervailing Duty and Safeguards) Covering the Whole of 2007,* antidumpingpublishing.com, Kent, 2008, hlm 12.

[10] Artikel VI GATT 1994 menyatakan dalam bahagian yang relevan bahawa; "*The [Members] recognize that dumping...is to be condemmed if it causes or threatens material injury to an established industry in the territory of a [Member] or materially retards the establishment of a domestic industry";* Manakala Art 1 Perjanjian Anti-Lambakan pula secara jelas menyatakan bahawa; "*An anti-dumping measure shall be applied only under the circumstances provided for in Article IV of GATT 1994 and pursuant to investigations intiated and conducted in accordance with the provisions of this Agreement. The following provisions govern the application of Article VI of GATT 1994 in so far as action is taken under anti-dumping legislation or regulations."*

[11] Anon, Pakistan: Anti-Dumping Duty Causes USD500m to Pakistan [5 Mac 2004] www.fibre2fashion.com/news/NewDetails.asp?News_id=6188 (18 Januari 2011); Chakravarthi Raghavan, *Abuse of Anti-Dumping Instrument in Textiles and Clothing Sector by EC,US,* Third World Economic No.300,Third World Network, Singapore, 2003, hlm 1. "Penggunaan dan penyalahgunaan instrumen anti-lambakan oleh Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat seringkali digunakan untuk menyekat eksport produk tekstil dan pakaian daripada negara-negara membangun dengan hujah eksport tersebut sudah melepasi kuota yang telah ditetapkan."

[12] Ashfak Bokhari, Bed Linen-the Anti-Dumping Game [2004] http://www.dawn.com/2004/03/29/ebr6.htm (17 Januari 2011).

[13] Chakravarthi Raghavan, *Call for Revision of Anti-Dumping, Subsidy Rules,* Third World Network, Pulau Pinang, 2001, hlm 3.

[14] Ghandar Naderi, 'Call for anti-dumping duties', Iran Daily, 19 Februari, 2009, hlm 1; UNCTAD, Analysis of market access issues facing developing countries: Impact of anti-dumping and countervailing actions, TD/B/COM.1/39, UNCTAD, 19 Januari 2001, hlm 4.

[15] Micheal G.Plummer, *Toward Win-Win Regionalism in Asia: Issues and Challenges in Forming Efficient Trade Agreement,* Working Paper Series on Regional Economic Integration No. 5, Asian Development Bank, Manila, 2006, hlm 23.

